

# Tiga maut, 10 cedera dalam nahas

## Bas dua tingkat terbabas rempuh tiang elektrik sebelum terbalik

**BENTONG** - Tiga maut termasuk sepasang suami isteri, manakala 10 lagi parah selepas bas dua tingkat yang mereka naiki terbabas lalu merempuh tiang elektrik sebelum terbalik di Kilometer 11, Jalan Bentong menuju Raub sekitar jam 12.30 pagi semalam.

Mangsa maut ialah warga Somalia Saeed Mohamad Mohamad Abdalla, 31, yang beralamat di kediaman siswa Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur dan isterinya Zarifah Alias, 26, berasal dari Kota Bharu serta Suhaisam Che Abdulla, 33, dari Batang Kali, Selangor.

Sementara yang cedera adalah pemandu bas berkenaan Wan Khairul Affendi Mustafa, 35, dari Kelantan yang patah kaki kanan; Siti Nabila Mohd Nasir, 23; Tuan Rosnani Tuan Mohd Din, 22; Wan Muhammad Husin Abdullah,

54; Faizah Abdullah, 89.

Ruwaidi Jusuh, 35; Nur Sazren Fazhera Mohd Shanif, 20; Norzamera Abd Manaf, 24; Low Wan Yi, 23, dan warga Thailand yang dikenali sebagai Mamalutfee.


Sementara itu, 55 mangsa yang mengalami cedera ringan dirawat di Hospital Bentong sebagai pesakit luar.

Ketua Polis Daerah Bentong, Superintendan Mohamad Nor Mansor berkata, siasatan awal mendapati kemalangan berlaku ketika pemandu bas cuba memotong kenderaan lain.

Katanya, ketika tiba di lokasi kejadian, pemandu bas dipercayai memotong beberapa kenderaan di laluan menghala ke Kota Bharu.

"Bagaimanapun, bas yang dipandu dipercayai hilang kawalan di selekoh lalu melanggar tiang elektrik di sebelah kanan jalan sebelum terbalik ke kiri jalan," katanya.

Mohamad Mansor berkata, jalan di tempat kejadian adalah jalan selorong dua hala menurun bukit yang berselekoh manakala keadaan cuaca gelap dan jalan kering.



Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Katanya, orang ramai yang mempunyai maklumat kejadian boleh membuat laporan di balai polis berdekatan bagi membantu siasatan.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat

Bentong, Zainal Abidin Nong Chik berkata, pihaknya menerima panggilan kira-kira jam 12.30 pagi.

Katanya, pihaknya dengan kekuatan dua jentera bomba dan lapan anggota kemudian ke tempat kejadian.

"Turut membantu ialah tujuh anggota bomba dan satu

jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Raub.

"Ketika sampai di tempat kejadian, bas berada dalam keadaan terbalik. Manakala penumpang kebanyakan berada di luar bas," katanya.

Zainal Abidin berkata, tiga mangsa iaitu seorang wanita dan dua lelaki ditemui tersepit

di dalam bas.

Katanya, pihaknya tidak mengalami sebarang masalah untuk mengeluarkan ketiga-tiga mayat mangsa.

"Mayat mangsa kemudian di bawa ke Hospital Bentong untuk bedah siasat dan operasi menyelamat selesai kira-kira jam 2.40 pagi," katanya.

**INFO GRAFIK**  
ILUSTRASI: SINAR HARIAN  
OLEH: PAJJE ARCHERIDDEN



**KUALA LUMPUR • PUTRAJAYA**  
SUBUH 5:52  
SYURUK 7:09

ZUHUR 1:17  
ASAR 4:26  
MAGHRIB 7:22  
ISYAK 8:31

SABAK BERNAM  
• KUALA SELANGOR • KLANG  
• KUALA LANGAT

SUBUH 5:54  
SYURUK 7:11  
ZUHUR 1:19  
ASAR 4:28  
MAGHRIB 7:23  
ISYAK 8:33

GOMBAK • HULU SELANGOR  
• RAWANG • HULU LANGAT •  
SEPANG • PETALING •  
SHAH ALAM

SUBUH 5:52  
SYURUK 7:09  
ZUHUR 1:17  
ASAR 4:26  
MAGHRIB 7:21  
ISYAK 8:31



Anggota bomba mengeluarkan mangsa bas dua tingkat yang terlibat dalam kemalangan, awal pagi semalam.



Keadaan bas yang remuk setelah terbabit nahas. Gambar kecil Saeed Mohamad dan Zarifah.